



Buku Garis Panduan Praktikum Kaunseling Sarjana Kaunseling (Kesihatan Mental Klinikal)

**Universiti Pendidikan Sultan Idris
(UPSI)**

ISI KANDUNGAN		MUKA SURAT
1.0	Pengenalan	1
2.0	Matlamat Praktikum Kaunseling (KMK)	1
3.0	Objektif Praktikum Kaunseling	1
4.0	Senarai Kursus Praktikum Kaunseling	2
5.0	Peraturan Praktikum Kaunseling	2
	5.1 Syarat Layak Praktikum Kaunseling	2
	5.2 Syarat Lulus Praktikum Kaunseling	3
	5.3 Tempoh Menjalani Praktikum Kaunseling	3
	5.4 Penempatan Praktikum Kaunseling	4
	5.5 Lapor Diri di Institusi	5
	5.6 Waktu Pengajaran Praktikum Kaunseling	5
	5.7 Kehadiran Praktikum Kaunseling	5
	5.8 Penangguhan Praktikum Kaunseling	5
	5.9 Kes Gagal Praktikum Kaunseling	6
	5.10 Cuti	6
6.0	Pelaksanaan Praktikum Kaunseling	7
	6.1 Persediaan Sebelum Praktikum Kaunseling	7
	6.2 Pengajaran dan Pembelajaran Praktikum Kaunseling	7
	6.3 Penyeliaan	7
7.0	Kriteria Kelayakan Praktikum Kaunseling	8
	7.1 Penyelaras Praktikum/Akademik	8
	7.2 Penyelia Lapangan / <i>Local Perceptor</i>	8
8.0	Tanggungjawab dan Etika Praktikum Kaunseling	8
	8.1 Tanggungjawab Fakulti/Pusat	8
	8.2 Tanggungjawab Penyelaras Praktikum	8
	8.3 Tanggungjawab Penyelia Akademik	9
	8.4 Tanggungjawab Pihak Institusi	9
	8.5 Tanggungjawab Pelajar Praktikum	9
	8.6 Etika Penyelia Akademik dan Penyelia Lapangan	10
9.0	Penilaian Praktikum Kaunseling	10

1.0 Pengenalan

Praktikum merujuk kepada pengalaman klinikal yang diselia dengan tujuan untuk membolehkan pelajar membina dan mengembangkan kemahiran asas kaunseling dan mengintegrasikan pengetahuan professional semasa pengajian (Piawaian dan Kelayakan Latihan Kaunselor LKM, 2016). Menurut Council for Accreditation of Counselling and Related Educational Programs (CACREP) (Seksyen 3: Amalan Profesional, 2016). Pengalaman klinikal ini merangkumi pengalaman mengendalikan kaunseling kesihatan mental dan juga aktiviti berkaitan dengan kaunseling kesihatan mental. Praktikum boleh dijalankan di dalam kampus atau di luar berdekatan kampus dan hendaklah disempurnakan sebelum internship.

2.0 Matlamat Praktikum Kaunseling

Di akhir kursus praktikum ini pelajar berupaya untuk:

- i. Mengaplikasi teori-teori, prinsip dan amalan penilaian dan diagnosis, intervensi, rujukan dan pencegahan gangguan mental dan emosi dalam sesi kaunseling individu dan kelompok
- ii. Mengkonseptualisasi diagnosis gangguan mental menggunakan Diagnostic of Statistical Manual of Mental Disorders (DSM-5) berdasarkan maklumat latar belakang, penilaian, temubual klinikal dan maklumat informan berkaitan
- iii. Mempromosi perkembangan manusia, kesejahteraan dan kesihatan mental yang optimum melalui aktiviti-aktiviti pencegahan, pendidikan dan advokasi untuk pembangunan kerjaya dalam kaunseling kesihatan mental klinikal
- iv. Memilih intervensi pentaksiran yang bersesuaian untuk menghasilkan diagnosis, perancangan rawatan dan pengurusan kes yang berkesan
- v. Mengamalkan standard etika Lembaga Kaunselor Malaysia serta undang-undang dan garis panduan kesihatan mental di Malaysia

3.0 Objektif

Objektif utama praktikum adalah untuk menyediakan pengalaman latihan secara praktikal kepada pelajar melalui peruntukan pengalaman dalam menjalani kaunseling profesional berkualiti tinggi yang diselia di tapak lapangan dengan misi yang konsisten dengan persediaan akademik, matlamat universiti/program dan kerjaya pelajar. Pengalaman ini bertujuan untuk membantu pelajar memperoleh kemahiran dan kecekapan dengan mengaplikasikan pengetahuan teori dan mengintegrasikan

kemahiran klinikal ketika di bawah penyeliaan profesional yang berpengalaman dan berkelayakan.

4.0 Senarai Kursus Praktikum Kaunseling

KKH60503 Praktikum Kesihatan Mental Klinikal

5.0 Peraturan

5.1 Syarat Layak Praktikum Kaunseling

1. Pelajar telah mendaftar kursus praktikum.
2. Pelajar yang mendaftar kursus praktikum hendaklah lulus kursus berikut:
 - a) KKT60103 Teori Kaunseling Lanjutan (Komponen Teori Kaunseling)
 - b) KKH60103 Kaunseling Individu Lanjutan (Komponen Teknik Kaunseling)
 - c) KKG60103 Kaunseling Kelompok Lanjutan (Komponen Kaunseling Kelompok)
 - d) KKC60103 Kaunseling Kerjaya (Komponen Perkembangan Kerjaya)
 - e) KPK60104 Psikologi Perkembangan (Komponen Pertumbuhan dan Perkembangan Manusia)
 - f) Pelajar digalakkan lulus atau sedang mengikuti kursus KKP60103 Etika dan Perundangan Dalam Kaunseling (Komponen Etika Kaunseling/Identiti Profesional)
 - g) Pelajar diselia sepenuhnya (dari tahap awal hingga tahap tamat sesi) oleh penyelia iaitu sekurang-kurangnya **tiga (3)** kali adalah seperti berikut:
 - I. **Satu (1)** kali penyeliaan di lapangan
 - II. **Dua (2)** kali pelajar hadir penyeliaan di kampus
3. Pelajar perlu menjalankan praktikum di tempat yang memenuhi syarat ditetapkan Pengendalian, pentadbiran dan penyeliaan perlu memenuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam Piawaian dan Kelayakan Latihan Kaunselor (Malaysia).

5.2 Syarat Lulus

1. Terdapat syarat yang perlu dipenuhi oleh pelajar sebelum disahkan **lulus** praktikum oleh Penyelaras/Penyelia Akademik iaitu:
 - ii. Pelajar wajib memenuhi kehadiran kuliah praktikum sekurang-kurangnya 80 peratus
 - iii. Pelajar wajib memenuhi kehadiran penyeliaan praktikum, 100 peratus
 - iv. Memenuhi semua komponen praktikum dan jam di tempat praktikum;
 - a) Memenuhi jam perhubungan bersemuka kaunselor-klien iaitu sekurang-kurangnya 96 jam
 - b) Memenuhi jam keseluruhan praktikum sekurang-kurangnya 252 jam
 - c) Memenuhi jam aktiviti berkaitan tugas profesional kaunselor termasuk pelaksanaan program dan aktiviti psikopendidikan, pentadbiran ujian psikologi, rujukan dan konsultasi, pengurusan dan pentadbiran, dokumentasi dan penulisan laporan serta aktiviti perkembangan profesional.
 - v. Menghantar laporan akhir praktikum seperti tarikh yang telah ditetapkan
 - vi. Menghadiri penyeliaan yang ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya tiga (3) kali sepanjang tempoh praktikum
 - vii. Mendapat sekurang-kurangnya gred B untuk praktikum kaunseling.

GRED PENILAIAN PRAKTIKUM

MARKAH	GRED	NILAI
80 - 100	A	4.00
75 - 79	A-	3.70
70 - 74	B+	3.40
65 - 69	B	3.00
64 dan ke bawah	F	0.00

5.3 Tempoh

1. Perkiraan tempoh praktikum adalah berdasarkan Perkara 1.6 Tempoh Praktikum, muka surat 12, Garis Panduan Pelaksanaan Praktikum dan Internship, Lembaga Kaunselor (Malaysia)

ii. **Panduan Pengiraan Tempoh Berdasarkan Nilai Jam Kredit (Pelajar Sepenuh Masa)**

Nilai jam kredit praktikum dikira mengikut formula berikut:

1 jam kredit

1 jam kredit x 6 jam sehari x 14 minggu (sekurang-kurangnya) di tempat latihan = 84 jam

3 jam kredit

3 jam kredit x 6 jam sehari x 14 minggu (sekurang-kurangnya) di tempat latihan = 252 jam

KKH60503 Praktikum Kesihatan Mental menetapkan anggaran tempoh praktikum mod sepenuh masa adalah 16 -18 minggu

iii. **Panduan Pengiraan Tempoh Berdasarkan Nilai Jam Kredit (Pelajar Separuh Masa)**

1 jam kredit

1 jam kredit x 3 jam sehari x 28 minggu (sekurang-kurangnya) di tempat latihan = 84 jam

3 jam kredit

3 jam kredit x 3 jam sehari x 28 minggu (sekurang-kurangnya) di tempat latihan = 252 jam

KKH60503 Praktikum Kesihatan Mental menetapkan anggaran tempoh praktikum mod separuh masa adalah 24-28 minggu (bergantung kesesuaian Kalendar Akademik)

5.4 Penempatan

1. Praktikum kaunseling biasanya dijalankan di dalam kampus di mana program itu ditawarkan. Pelajar diberi kebebasan menjalankan sesi kaunseling di seting luar dengan penyeliaan sepenuhnya oleh Penyelia Akademik. Tempat praktikum hendaklah mempunyai kemudahan dan peralatan yang sesuai bagi tujuan memberi latihan klinikal serta mempunyai prosedur tetap bagi menjamin kerahsiaan dan melindungi hak-hak klien mengikut undang-undang dan etika. Tempat praktikum

juga harus menyediakan peluang seluas-luasnya untuk pelajar membiasakan diri dengan pelbagai aktiviti profesional seperti penyimpanan rekod, penyeliaan, perkhidmatan maklumat, aktiviti bimbingan dan menghadiri mesyuarat staf.

5.5 Lapor Diri di institusi

1. Pelajar melapor diri di institusi berdasarkan tarikh lapor diri dalam surat penempatan yang disediakan oleh PULAMI. Pelajar perlu memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh fakulti dan institusi

5.6 Waktu Pelaksanaan Praktikum

1. Pelajar perlu berada di tempat praktikum berdasarkan tempoh yang telah ditetapkan (Mod Separuh Masa atau Sepenuh Masa) untuk menjalankan semua aktiviti/komponen praktikum yang ditetapkan:
 - a) Mod Sepenuh Masa: Tempoh sekurang-kurangnya 16-18 minggu
 - b) Mod Separuh masa: Tempoh sekurang-kurangnya 24-28 minggu (bergantung kesesuaian Kalendar akademik)
2. Pelajar perlu menghadiri kuliah pada setiap minggu dan penyeliaan sepanjang tempoh semester berkenaan. Pelajar perlu membawa semua laporan/dokumen praktikum untuk disemak oleh Penyelia Akademik.
3. Pelajar perlu menghadiri penyeliaan praktikum sekurang-kurangnya 3 kali bersama Penyelia Akademik (luar waktu kuliah).

5.7 Kehadiran Praktikum Kaunseling

1. Pelajar perlu menjalankan praktikum kaunseling mengikut tempoh yang ditetapkan oleh Penyelaras Praktikum. Kehadiran perlu direkodkan dalam Borang Kehadiran dan ditandatangani oleh pihak institusi.

5.8 Penangguhan Praktikum Kaunseling dan Status Sedang Maju

1. Pelajar boleh menangguh praktikum jika mempunyai alasan yang munasabah seperti yang termaktub dalam buku Peraturan Akademik Universiti Pendidikan Sultan Idris, Program Ijazah Sarjana Secara Kerja Kursus
2. Pelajar boleh meneruskan praktikum kaunseling selama dua (2) semester sekiranya tidak dapat melengkapkan jam praktikum kaunseling dalam tempoh ditetapkan dan diberi status **Sedang Maju**

5.9 Kes Gagal Praktikum Kaunseling

1. Pelajar berkemungkinan gagal jika tidak memenuhi **salah satu** antara berikut;
 - ii. Gagal memenuhi kehadiran 80 peratus kuliah praktikum kaunseling
 - iii. Gagal memenuhi komponen praktikum yang telah ditetapkan
 - a) Gagal memenuhi jam perhubungan bersempena kaunselor-klien iaitu sekurang-kurangnya 96 jam
 - b) Gagal memenuhi jam keseluruhan praktikum iaitu sekurang-kurangnya 252 jam
 - iv. Gagal menghantar laporan akhir praktikum seperti tarikh yang telah ditetapkan
 - v. Gagal menghadiri penyeliaan sekurang-kurang **tiga** (3) kali seperti mana yang telah ditetapkan
 - vi. Gagal mendapat sekurang-kurangnya gred B dalam penilaian akhir praktikum
 - vii. Sabit kesalahan menurut AUKU atau berlaku pelanggaran etika profesi kaunseling

5.10 Cuti

1. Pelajar dibenarkan bercuti dari menjalankan praktikum jika;
 - i. Terdapat cuti umum tertakluk negeri di mana pelajar menjalankan praktikum
 - ii. Memperolehi sijil cuti sakit dari hospital Kerajaan (tidak melebihi 3 hari). Jika melebihi 3 hari perlu diganti
 - iii. Bertugas rasmi atas arahan fakulti/majikan
 - iv. Alasan yang munasabah (misalnya kes mahkamah/ kes saman dll)

2. Semua cuti perlu dimaklumkan kepada penyelaras praktikum, penyelia akademik dan pihak institusi beserta dokumen sokongan

6.0 Pelaksanaan Praktikum Kaunseling

6.1 Persediaan Sebelum Praktikum Kaunseling

1. Pelajar telah menghadiri taklimat praktikum secara fizikal yang dikendalikan oleh Penyelaras Praktikum
2. Pelajar telah menyediakan segala keperluan praktikum seperti mana yang telah ditaklimatkan.

6.2 Pengajaran dan Pembelajaran Praktikum Kaunseling

1. Penyelaras Praktikum perlu mengadakan perjumpaan mingguan bersama pelajar sepanjang tempoh 14 minggu kuliah bagi tujuan penyelarasan dan semakan berkaitan dengan tugas-tugas praktikum misalnya;
 - i. Cara penulisan laporan sesi
 - ii. Pembentangan kes
 - iii. Pengurusan dokumen (buku log, borang rumusan jam, dll)
 - iv. Penerapan teori dan teknik dalam praktis sesi
 - v. Pengendalian sesi individu dan kelompok
2. Penyeliaan praktikum dijalankan oleh Penyelia Akademik.

6.3 Penyeliaan

1. Penyelia Akademik perlu membuat penyeliaan dengan pelajar seliaan merangkumi perkara berikut:
 - i. Penyeliaan secara langsung (*live supervision*) untuk sesi kaunseling individu dan sesi kaunseling kelompok; atau
 - ii. Penyeliaan secara berkumpulan untuk sesi kaunseling individu atau sesi kaunseling kelompok.

- iii. Penyeliaan praktikum melibatkan perkara berikut:
2. Penyeliaan pelajar hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya **tiga (3) kali**.
 3. Penyeliaan individu dijalankan secara bersemuka atas nisbah 5 pelajar kepada 1 penyelia (1: 5).
 4. Penyeliaan berkelompok hendaklah atas nisbah 10 pelajar kepada 1 penyelia.

7.0 Kriteria Kelayakan Praktikum Kaunseling

7.1 Penyelaras Praktikum

1. Penyelaras praktikum ialah seorang yang telah dilantik oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris yang sekurang-kurangnya mempunyai ijazah sarjana dalam bidang kaunseling. Beliau hendaklah seorang kaunselor berdaftar yang mempunyai Sijil Perakuan Amalan yang sah laku.

7.2 Penyelia Akademik

1. Penyelia akademik ialah seorang yang telah dilantik oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris yang sekurang-kurangnya mempunyai ijazah sarjana dalam bidang kaunseling. Beliau hendaklah seorang kaunselor berdaftar dan mempunyai Sijil Perakuan Amalan yang sah laku. Penyelia Akademik boleh dibantu oleh kaunselor berdaftar (Penyelia Lapangan) yang mempunyai Sijil Sijil Perakuan Amalan yang sah laku.

8.0 Tanggungjawab dan Etika Praktikum Kaunseling

8.1 Tanggungjawab Fakulti/Pusat

1. Melantik Penyelaras Praktikum dan Penyelia Akademik bagi memastikan semua tugas berkaitan praktikum dilaksanakan.

8.2 Tanggungjawab Penyelaras Praktikum

1. Peranan dan tanggung jawab Penyelaras Praktikum merangkumi perkara berikut:

- ii. Membantu pelajar dalam pemilihan tempat yang sesuai untuk praktikum
- iii. Menghantar senarai tempat praktikum kepada PULAMI untuk penyediaan surat penempatan
- iv. Menghantar surat penempatan yang telah disediakan oleh PULAMI (melalui email) kepada tempat praktikum
- v. Memberi taklimat berkaitan keperluan praktikum kepada pelajar
- vi. Menentukan kelayakan pelajar untuk mendaftar kursus praktikum
- vii. Menguruskan jadual penyeliaan bersama pelajar
- viii. Menguruskan dokumen penilaian praktikum
- ix. Menjalankan perjumpaan/kuliah bersama pelajar semasa minggu perkuliahan

8.3 Tanggungjawab Penyelia Akademik

- 1. Peranan dan tanggungjawab Penyelia Akademik merangkumi perkara berikut:
 - ii. Mendorong perkembangan personal dan professional pelajar yang diselia
 - iii. Memastikan hak dan kebijakan klien terpelihara
 - iv. Menyediakan sistem sokongan terbaik bagi memastikan kesejahteraan pelajar yang diselia terpelihara
 - v. Memastikan pematuhan terhadap etika kaunseling
 - vi. Memenuhi keperluan praktikum seperti yang dikehendaki
 - vii. Menjalankan penyeliaan sebanyak **tiga (3) kali** di luar waktu kuliah

8.4 Tanggungjawab Pihak Institusi

- 1. Membantu pelajar mendapat pengalaman klinikal untuk membolehkan pelajar membina dan mengembangkan kemahiran asas kaunseling serta mengintegrasikan pengetahuan profesional yang diperolehi semasa pengajian.
- 2. Menyediakan ruang/tempat untuk membolehkan pelajar menjalankan praktis individu dan kelompok seperti mana yang telah dinyatakan dalam surat penempatan praktikum.

8.5 Tanggungjawab Pelajar Praktikum

1. **Patuh dan akur** untuk melaksanakan praktikum seperti mana yang telah dinyatakan dalam Perkara 5.0 Peraturan Praktikum dan Perkara 6.0 Pelaksanaan praktikum Kaunseling di atas antaranya;
 - i. Menghadiri taklimat Praktikum Kaunseling yang diadakan oleh Penyelaras Praktikum Kaunseling.
 - ii. Memahami dan menghayati objektif dan peraturan Praktikum Kaunseling.
 - iii. Berbincang dengan Penyelia Akademik dan pihak institusi/Penyelia Lapangan untuk mencapai persefahaman tentang peranan dan tanggungjawab semasa pelaksanaan Praktikum Kaunseling.
 - iv. Membina hubungan profesional dengan semua staf dan pelajar di institusi.
 - v. Memaklumkan Penyelaras dan Penyelia Akademik tentang cuti atau apa-apa aktiviti institusi semasa Praktikum Kaunseling agar penyeliaan berjalan lancar;
 - vi. Mematuhi dan mengamalkan etika keguruan, peraturan Universiti dan peraturan institusi sepanjang tempoh Praktikum Kaunseling.
 - vii. Hadir dan menjalankan tugas di institusi sepanjang tempoh Praktikum Kaunseling
 - viii. Merekodkan kehadiran di institusi pada setiap hari bekerja;
 - ix. Mematuhi semua peraturan Akta Universiti Kolej Universiti (AUKU) di institusi pelajar yang menjalankan praktikum kaunseling
 - x. Mematuhi buku Peraturan Akademik Universiti Pendidikan Sultan Idris, Program Ijazah Sarjana Secara Kerja Kursus
 - xi. Mendapat kebenaran bertulis daripada pihak institusi bagi aktiviti yang dianjurkan oleh pihak lain.

8.6 Etika Penyelia Akademik dan Penyelia Lapangan

Semua Penyelia Akademik dan Penyelia Lapangan tertakluk kepada Kod Etika Kaunselor, Lembaga Kaunselor (Malaysia) Bahagian F: Penyeliaan, Latihan, dan Pengajaran

9.0 Penilaian Praktikum

Jumlah jam dan pemarkahan praktikum kaunseling adalah seperti berikut;

Komponen Penyeliaan	Anggaran Jam	Peratus markah
1. Perkhidmatan Bersemuka	96 jam	40
i. Kaunseling Individu	60	25
ii. Kaunseling Kelompok	36	15
2. Aktiviti Berkaitan Tugas Profesional Kaunselor	156 jam	60
a. Aktiviti Psiko Pendidikan /Intervensi Psikososial	90	25
i. PFA / <i>Mental Health Psychosocial Support</i> (MHPSS)		
ii. Pengujian: Tadbir, Analisis dan Interpretasi		
iii. Konsultasi dan Rujukan		
b. Pengurusan dan Pentadbiran	52	20
i. Pengurusan fail, rekod dan buku log		
ii. Laporan Akhir		
iii. Refleksi		
c. Perkembangan Profesional	14	5
i. Pembentang/peserta <i>konferens</i> profesional		
ii. Bengkel berkaitan bidang		
3. Identiti Profesional		10
JUMLAH	252	100